



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

7 Mei 2021
25 Ramadan 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Maritim tahan bot nelayan Vietnam
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Now	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Free Malaysia Today	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		27	7/5/2021

Maritim tahan bot nelayan Vietnam

Sila m/s 27 7/5/2021



Bot nelayan Vietnam yang ditahan selepas dikesan menceroboh perairan negara untuk merompak hasil laut pada Rabu.

KEMAMAN- Cubaan empat nelayan Vietnam termasuk tekong melarikan diri dengan bertindak merentangkan tali pukot tidak berhasil apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kemaman, pagi Rabu.

Kehadiran bot dengan nombor pendaftaran KG 2040 TS yang menceroboh perairan negara untuk merompak hasil laut di sekitar perairan Terengganu dikesan melalui penglihatan dan radar semasa rondaan Op Naga Barat dan Op Iman sekitar jam 11.15 pagi.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, semasa usaha untuk merapat, bot nelayan tersebut bertindak merentangkan tali pukot dan cuba melarikan diri menuju ke arah sempadan perairan antarabangsa, namun telah berjaya dipintas sebelum ditahan di kedudukan 58 batu nautika timur laut

Kuala Kemaman, jam 12.15 tengah hari.

“Pemeriksaan ke atas bot tersebut mendapati empat kru termasuk tekong warganegara Vietnam berusia 23 hingga 42 tahun, yang kesemuanya tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah, serta bot tidak mempunyai dokumen yang sah.

“Turut dirampas bekalan diesel beranggaran 1,000 liter dan peralatan menangkap ikan yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

“Bot, tahanan dan rampasan dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman dan semua tahanan akan menjalani saringan Covid-19 sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Jelasnya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menjalankan aktiviti perikanan dalam perairan negara dan operasi akan terus dipertingkatkan.